KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 11 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

11/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KAWAL SEGERA PENJUALAN VAPE** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163390/kawal-segera-penjualan-vape | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/965512/nutp-calls-govt-expedite-approval-anti-smoking-bill | NST.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163307/kerajaan-digesa-segera-luluskan-ruu-kawalan-produk-merokok-demi | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **MARTABAT HAK WARGA EMAS, PERHEBAT PROGRAM INTERGENERASI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/martabat-hak-warga-emas-perhebat-program-intergenerasi-441065 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=2233249 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bernama.com/en/features/news.php?id=2233253 | BERNAMA.COM |
| | https://www.sinardaily.my/article/210278/malaysia/national/upholding-elderly-rights-dignity-through-social-welfare-departments-intergeneration-programme | SINARDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **INCREASING NUMBER OF MEN REPORTING SEXUAL HARASSMENT JUST TIP OF ICEBERG, SAYS LAWYERS' GROUP** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/10/increasing-number-of-men-reporting-sexual-harassment-just-tip-of-iceberg-says-lawyers039-group | THESTAR.COM.MY |

11/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **CHALLENGES ON THE ROAD TO 60% PARTICIPATION IN THE WORKFORCE** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/highlight/2023/10/10/challenges-on-the-road-to-60-participation-in-the-workforce/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **'ADA ANGGOTA POLIS GOLONGAN B40, MISKIN BANDAR'** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ada-anggota-polis-golongan-b40-miskin-bandar-441188 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **JUMLAH PENERIMA BANTUAN JKM DIKHUATIRI MENINGKAT SEKIRANYA TIDAK DIBANTU** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163377/jumlah-penerima-bantuan-jkm-dikhuatiri-meningkat-sekiranya-tidak | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/10/penerima-jkm-meningkat-jika-gagal-atasi-belia-muflis/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **AGENSI KENA SIAP SIAGA, UTAMAKAN KESELAMATAN DAN KEBAJIKAN MANGSA BANJIR - FADILLAH** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163035/agensi-kena-siap-siaga-utamakan-keselamatan-dan-kebajikan-mangsa | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018338/semua-agensi-diarah-siap-siaga-hadapi-banjir-fadillah | HMETRO.COM.MY |

11/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KEMALANGAN RAGUT IMPIAN AZWAN BERGELAR JURUTERA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018470/kemalangan-ragut-impian-azwan-bergelar-jurutera | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **LZS RAI 40 KANAK-KANAK DI YAYASAN CHOW KIT, ANJUR PELBAGAI AKTIVITI MENARIK** | |
| | https://selangorkini.my/2023/10/lzs-rai-40-kanak-kanak-di-yayasan-chow-kit-anjur-pelbagai-aktiviti-menarik/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **USTAZ DIDENDA PERDAYA 2 WANITA DENGAN TAWARAN PINJAMAN WANG UNTUK HABUAN SEKS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ustaz-didenda-perdaya-2-wanita-dengan-tawaran-pinjaman-wang-untuk-habuan-seks-441107 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/10/ustaz-maahad-tahfiz-didenda-rm12000-mengaku-perdaya-dua-wanita-lakukan-seks/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018465/lelaki-didenda-rm12000-mengaku-salah-memperdaya-dua-wanita | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283550/video/berita-semasa-video/padah-perdaya-dua-wanita-tawar-pinjaman-wang-untuk-habuan-seks | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/10/guru-agama-didenda-rm12000-perdaya-wanita-simpan-gambar-lucah/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283520/berita/semasa/padah-perdaya-dua-wanita-tawar-pinjaman-wang-untuk-habuan-seks | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Ec-vbrDzdwg | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=LTjFl530zGE | YOUTUBE |

11/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **EMPAT WANITA ASING DALAM KEADAAN BERKEMBAN DITAHAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/10/empat-wanita-warga-asing-ditahan-ketika-melakukan-aktiviti-pelacuran/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **LELAKI TIKAM WANITA DI KEDAI DOBI DIJEL TUJUH TAHUN, EMPAT SEBATAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283556/berita/semasa/lelaki-tikam-wanita-di-kedai-dobi-dijel-tujuh-tahun-empat-sebatan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **MAHKAMAH : WANITA DIDAKWA UGUT TETAK ADIK KANDUNG GUNA PEDANG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/10/mahkamah-wanita-didakwa-ugut-tetak-adik-kandung-guna-pedang/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **WANITA RUGI HAMPIR RM1 JUTA TERPEDAYA PELABURAN PALSU** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/wanita-rugi-hampir-rm1-juta-terpedaya-pelaburan-palsu/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **WANITA TANAM BULUH MANIS, ALTERNATIF KURANGKAN KOS PENTERNAK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/628509/edisi/kelantan/wanita-tanam-buluh-manis-alternatif-kurangkan-kos-penternak | SINARHARIAN.COM.MY |

11/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **HUKUMAN IBU, TOMBOY DERA KANAK-KANAK DITANGGUH AKIBAT HAKIM BERCUTI SAKIT** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283544/video/berita-semasa-video/hukuman-ibu-tomboy-dera-kanak-kanak-ditangguh-akibat-hakim-bercuti-sakit | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ulQMGgdkC6M | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=zGqxU8TenQI | YOUTUBE |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/10/hukuman-ibu-tunggal-tomboi-dera-kanak-kanak-7-tahun-ditangguh/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1018357/dakwaan-abai-anak-kandung-ibu-tunggal-dan-rakan-serumah-tunggu-hukuman-1 | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283501/berita/semasa/dera-mahkamah-tangguh-hukuman-ibu-tunggal-tomboi | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=1eshjOdVwqo | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=RlkoDNR4l6E | YOUTUBE |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2233339 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/dera-hakim-cuti-sakit-mahkamah-tangguh-hukuman-ibu-tunggal-tomboi/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-dera-hakim-cuti-sakit-nasib-ibu-rakan-serumah-diputuskan-1-november-441102 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/10/keputusan-hukuman-ibu-tunggal-rakan-dera-anak-ditangguh-1-november-ini/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

11/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **TIGA BUDAK MANDI SUNGAI TERPERANGKAP AKIBAT KEPALA AIR** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283574/berita/semasa/tiga-budak-mandi-sungai-terperangkap-akibat-kepala-air | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **KPT KAJI KEPERLUAN PERKASA GOLONGAN OKU DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70821-kpt-kaji-keperluan-perkasa-golongan-oku-di-politeknik-dan-kolej-komuniti | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/laluan-khas-ipt-oku-hanya-bersaing-dalam-kelompok-sendiri-441104 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=IGegC_VSrAU | YOUTUBE |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018434/golongan-oku-hanya-bersaing-sesama-sendiri-untuk-kemasukan-ke-ipt | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/10/kpt-teliti-keperluan-tingkat-kapasiti-program-tvet-pelajar-oku | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/10/10/kpt-berhasrat-tingkat-kapasiti-program-tvet-untuk-pelajar-oku/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **GLOSARI BAHASA ISYARAT ISLAM (I-SIGN) DILANCAR KHAS BAGI KOMUNITI OKU PENDENGARAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163123/glosari-bahasa-isyarat-islam-i-sign-dilancar-khas-bagi-komuniti-oku | BHARIAN.COM.MY |

11/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **EMPAT SAHABAT DITUDUH BUNUH WARGA EMAS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-sahabat-dituduh-bunuh-warga-emas-441081 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283482/berita/semasa/empat-sekawan-dituduh-bunuh-warga-emas | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/10/mahkamah-empat-rakan-dituduh-bunuh-warga-emas/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018361/empat-lelaki-didakwa-bunuh-warga-emas | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/empat-sekawan-didakwa-bunuh-warga-emas/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2233333 | BERNAMA.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/10/4-didakwa-atas-tuduhan-bunuh-warga-emas-di-baling/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=m33cmdlkZIg | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=douVFourssU | YOUTUBE |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/70792-empat-lelaki-berdepan-hukuman-mati-bunuh-warga-emas | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **WARGA EMAS RUGI RM600,000 ANGKARA PELABURAN KRIPTO PALSU** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1163169/warga-emas-rugi-rm600000-angkara-pelaburan-kripto-palsu | BHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'LULUS RUU SEGERA DEMI LINDUNGI GENERASI MUDA' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023

# 'Lulus RUU segera demi lindungi generasi muda'

## FMSA gesa kerajaan teruskan pembentangan, kecam pihak politikkan isu

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pakar-Pakar Perubatan Keluarga Malaysia (FMSA) menggesa kerajaan untuk segera meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 bagi melindungi golongan remaja dan kanak-kanak dari ketagihan vape dan rokok elektronik.

Presiden FMSA, Dr Nor Hazlin Talib, berkata RUU berkenaan sepatutnya dibentangkan untuk bacaan kedua pada sesi Parlimen, bulan ini.

"Sebarang tindakan melengahkan atau menangguhkan RUU berkenaan akan membawa remaja kita selangkah ke arah kemudaratan yang nyata.

"FMSA dengan tegas mengecam tindakan mana-mana pihak yang cuba mempolitikkan isu berkenaan dan berselindung di sebalik kuasa legislatif yang dimandatkan kepada mereka," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Hazlin berkata, ketika ini remaja dan kanak-kanak semakin terjerumus ke kancah penggunaan vape yang diuar-uarkan oleh golongan tertentu sebagai sumber ekonomi baharu untuk negara di samping boleh digunakan sebagai kaedah berhenti merokok.

"Namun, sebenarnya tiada kajian kukuh terhadap penggunaan vape sebagai terapi berhenti merokok dan kos ekonomi yang dibawa oleh penyakit berkaitan dengan vape seperti Evali adalah lebih tinggi daripada potensi keuntungan yang dibawa industri berkenaan.

"Sejak pengeluaran cecair nikotin daripada Akta Racun pada 1 April 2023, penjualan nikotin tidak dikawal selia oleh mana-mana undang-undang di Malaysia.

"Perkara berkenaan membuka ruang kepada penjualan tidak terkawal kepada remaja dan kanak-kanak bawah umur serta disokong oleh dapatan tinjauan Pusat Racun Negara yang mendapati produk vape dijual sebaris dengan gula-gula dan alat tulis di kedai-kedai runcit," katanya.

Katanya, peranti vape yang menggunakan bateri lithium ion berisiko meletup dan menyebabkan kecederaan serius serta meningkatkan risiko kebakaran.

"Kajian juga menunjukkan kandungan bahan kimia seperti propylene glycol, vegetable glycerine dan perasa di dalam vape berpotensi merosakkan paru-paru dan salur pernafasan," katanya.

### Persoal tindakan kerajaan

Sementara itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) turut mempersoalkan tindakan kerajaan menarik semula bacaan kali kedua RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 atau RUU Generasi Penamat (GEG) di Parlimen.

Presidennya, Dr Azizan Abdul Aziz menyifatkan tindakan berkenaan adalah perkara yang tidak boleh diterima dan menjadi satu pengkhianatan terhadap kepercayaan awam.

> "Sebarang tindakan melengahkan atau menangguhkan RUU berkenaan akan membawa remaja kita selangkah ke arah kemudaratan yang nyata"



*Dr Nor Hazlin Talib, Presiden FMSA*

"Di manakah kedudukan kesihatan awam dalam senarai keutamaan kerajaan apabila kerajaan memutuskan penangguhan berkenaan adalah bagi memberi laluan kepada aturan urusan lain.

"MMA pada mulanya berharap kerajaan komited untuk meluluskan RUU berkenaan, namun dengan keputusan penangguhan berkenaan ia sudah menjejaskan kepercayaan terhadap kerajaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JURURAWAT RUGI RM387,035 AKIBAT TAWARAN KERJA SAMBILAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jururawat rugi RM387,035 akibat tawaran kerja sambilan

**Kuantan:** Seorang penyelia jururawat kerugian RM387,035 selepas terpedaya dengan tawaran kerja sambilan secara dalam talian yang menawarkan bayaran lumayan.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan, wanita berusia 46 tahun yang bekerja di luar negara itu menerima pesanan melalui aplikasi WhatsApp menawarkan kerja sambilan terbabit pada 11 September lalu.

Katanya, dengan hanya menekan butang 'like' di aplikasi Instagram yang diberikan, mangsa ditawarkan komisen sebanyak RM5 bagi setiap tugasan.

"Selepas berjaya menyelesaikan lima tugasan, mangsa menerima wang komisen berjumlah RM25.

"Mangsa kemudian ditawarkan satu tugasan prabayar dengan membuat pembayaran dan menerima keuntungan lebih tinggi.

"Mangsa hanya tersedar selepas membuat 36 transaksi berjumlah RM387,035 kepada 21 akaun dalam tempoh 13 hari mulai 11 September lalu.

"Siasatan mendapati mangsa menggunakan wang simpanan sendiri, pinjaman rakan dan ahli keluarga untuk semua transaksi yang dibuat. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Susulan itu, Yahaya menasihati masyarakat tidak mudah terpengaruh dengan tawaran pekerjaan melalui laman media sosial yang menjanjikan pulangan lumayan.

Beliau berkata, orang ramai perlu membuat semakan nombor akaun yang diterima bagi pada pautan https://semakmule.rmp.gov.my/ terlebih dulu sebelum membuat sebarang transaksi bagi mengelak ditipu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'KEMESRAAN KAMI BUKAN DIBUAT-BUAR' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

MENUMPANG KASIH IBU BAPA ANGKAT

# 'Kemesraan kami bukan dibuat-buat'

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Kluang**

Meskipun tiada pertalian darah, hubungan Muhamad Riduan Ramli dengan ibu bapa angkatnya sangat akrab dan tidak ubah seperti keluarga kandung.

Kemesraan mereka bukan dibuat-buat, bahkan mengundang kagum masyarakat yang melihat dan ada yang 'cemburu' kerana tidak berpeluang merasai kasih orang tua.

Muhamad Riduan, 25, menghargai hubungan itu apatah lagi dia mengimpikan kebahagiaan daripada keluarga sejati disebabkan membesar dalam keluarga yang berantakan dan sudah kematian bapa kandung.

"Babah dan emak anugerah terindah buat saya kerana walaupun bukan darah daging, mereka anggap saya seperti anak kandung," katanya.

Menurutnya, dia berkenalan dengan bapa angkat, Abas Mat Dol, 72, dan isterinya, Thara Salleh, 71, ketika mengerjakan umrah di Makkah, malah tidak menyangka asbab pertemuan itu mengeratkan lagi silaturahim mereka.

"Pada Februari 2019, saya pergi menunaikan umrah bersama dua lagi rakan dan di sana, saya berdoa semoga dapat kebahagiaan memandangkan datang daripada *broken family* (keluarga yang berpisah).

"Ditakdirkan, saya bertemu dengan babah (panggilan untuk bapa angkat) dan mak di hadapan Kaabah.

"Waktu itu, saya lihat babah bergerak menggunakan kerusi roda, jadi minta izin dengan mak untuk menolaknya dan kami jadi rapat waktu di Madinah.

"Bagaimanapun, saya panggil babah Haji ketika itu dan kenangan tak dapat lupakan adalah ketika babah suapkan aiskrim," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Pulang dari Tanah Suci, Muhamad Riduan berkata, dia masih berhubung dengan Abas untuk bertanya khabar dan lama kelamaan, hubungan mereka bertambah rapat hingga menjadi anak dan bapa angkat.

"Selepas jadi anak angkat, babah lebih kerap hubungi saya dan setiap pagi akan kejut bangun Subuh dan malam sebelum tidur pun kami akan membuat panggilan video.

"Ikutkan, babah ada seorang anak kandung lelaki berumur 42 tahun, namun dia tiada masalah, malah tahu bagaimana hubungan saya dan babah.

"Keluarga kandung tahu macam mana rapatnya saya dengan babah dan tak menghalang.

"Kini, saya bertugas sebagai anggota polis di Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Kubu Bharu (KKB), namun akan pulang ke kampung setiap kali cuti untuk luangkan masa dengan babah yang tinggal berdua saja dengan emak," katanya.

Berhubung perkongsian di TikTok, Muhamad Riduan tidak menafikan ramai suka menonton videonya tetapi ada juga menuduhnya menggunakan bapa angkatnya untuk tular.

"Sedangkan, tujuan saya adalah menyebarkan kesedaran kepada semua agar menghargai bapa selagi ada, walaupun emak yang melahirkan kita.

"Bapa kandung saya, Ramli Bahir sudah meninggal dunia pada 2017 akibat serangan jantung jadi saya tumpang bermanja dengan babah.

"Saya minat main bola sepak dan babah pula memang orang sukan jadi dia banyak beri sokongan kepada saya," katanya yang berdoa supaya diizinkan Allah untuk membahagiakan kedua-dua mereka.

Muhamad Riduan mengimpikan untuk ke Makkah lagi bersama bapa angkatnya, namun kesihatan Abas tidak mengizinkan.

"Jadi, dapat teman babah baca surat khabar dan lakukan aktiviti bersama pun sudah cukup menggembirakan. Lebih memberi kepuasan apabila dapat solat berjemaah di masjid dengan babah," katanya.

**"Kini, saya bertugas sebagai anggota polis di Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Kubu Bharu (KKB), namun akan pulang ke kampung setiap kali cuti untuk luangkan masa dengan babah yang tinggal berdua saja dengan emak"**



MUHAMAD Riduan (tengah) bersama ibu bapa angkat, Thara (kiri) serta Abas. - Gambar ihsan Muhamad Riduan Ramli

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DIJEL 7 TAHUN, EMPAT SEBATAN CUBA ROMPAK WANITA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dijel 7 tahun, empat sebatan cuba rompak wanita

**Kuala Terengganu:** Penganggur dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan empat sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan cuba merompak seorang wanita di sebuah kedai dobi layan diri.

Keputusan itu dibuat Hakim Nooriah Osman selepas Muhammad Faiz Radzali, 25, mengaku salah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa cuba melakukan rompakan serta menyebabkan kecederaan terhadap mangsa berusia 31 tahun.

Tertuduh melakukan kesalahan itu di sebuah kedai dobi layan diri di Seberang Takir, Kuala Nerus, jam 3 petang pada 30 September lalu.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara bermula dari tarikh tertuduh ditahan pada 1 Oktober lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Nabihah Hanin Ayim, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Media sebelum ini melaporkan seorang wanita cedera akibat ditikam dipercayai menggunakan senjata tajam di sebuah premis dobi layan diri berhampiran Kem Sri Pantai, Seberang Takir Kuala Nerus.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EMPAT LELAKI DIDAKWA BUNUH WARGA EMAS | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



**EMPAT tertuduh diiring anggota polis tiba di Mahkamah Majistret, semalam.**

# Empat lelaki didakwa bunuh warga emas

**Baling:** Empat lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan membunuh seorang warga emas di sebuah rumah di Kuala Ketil, 1 Oktober lalu.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh K Tamilselvam, 25; C Vikkaran, 33; Sarim Omar, 33 dan S Sureshkumar, 21, kerana kes bunuh berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan mereka didakwa mencapai niat secara bersama melakukan bunuh terhadap S Kanan, 71, di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil di sini.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu antara jam 3 hingga 4.20 petang.

Pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati atau penjara bagi tempoh tidak kurang 30 tahun tetapi tidak lebih 40 tahun dan jika tidak dihukum gantung hendaklah juga dikenakan hukuman sebatan tidak kurang 12 sebatan sekiranya didapati bersalah.

Hakim, Najwa Che Mat kemudian menetapkan 14 Disember depan untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan forensik dan kimia.

Pada 2 Oktober lalu, media melaporkan, seorang lelaki warga emas berusia 71 tahun ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri dengan tangan dan kakinya diikat serta terdapat kesan jerut di leher.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GURU DIDENDA RM12,000 PERDAYA DUA WANITA, SIMPAN GAMBAR LUCAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Guru didenda RM12,000 perdaya dua wanita, simpan gambar lucah

**Melaka:** Seorang guru didenda RM12,000 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, semalam, atas tiga pertuduhan memperdaya dua wanita berkaitan tawaran pinjaman wang tidak wujud dan menyimpan gambar lucah sejak Mac lalu.

Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman menjatuhkan hukuman itu selepas menerima pengakuan bersalah Ahmad Saifullah Abdul Khalid, 33, dan mensabitkannya dengan pertuduhan.

Dalam penghakimannya, Sharda Shienha turut menimbangkan fakta kes, rayuan dan hujah pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya Nor Asnini Kamarudin.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didapati menipu dua wanita berusia 19 dan 33 tahun dengan memperdaya mereka untuk mempercayai tawaran pinjaman tidak wujud masing-masing bernilai RM300 dan RM2,000 hingga mendorong mangsa melakukan hubungan seks dengannya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah hotel di Jalan PM4, Plaza Mahkota pada jam 12.40 malam, 21 Mac lalu dan sebuah rumah di Jalan Tebing Tinggi, Bukit Baru kira-kira jam 11 pagi, 1 Oktober lalu.



AHMAD Saifullah didenda RM12,000 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan dan membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa memiliki tujuh gambar lucah dalam telefon bimbit di sebuah sekolah di Solok Gaung, Bukit Lintang, di sini, pada jam 1.56 tengah hari, 3 Oktober lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 292 (a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, tertuduh berkenalan dengan mangsa melalui aplikasi WhatsApp dan Omi sebelum memperdaya mereka dengan menawarkan pinjaman dan mengenakan syarat perlu melakukan hubungan seks dengannya.

Bagaimanapun selepas melakukan hubungan seks, mangsa tidak menerima pinjaman seperti ditawarkan.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu dikenakan hukuman ringan dengan alasan menanggung isteri masih belajar, dua anak serta ibu bapa.

Katanya, dia juga sudah bertaubat dan berjanji tidak mengulangi kesalahan itu.

Nor Asnini bagaimanapun memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat

Selepas meneliti hujah kedua-dua pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM3,500 atau tiga bulan penjara jika gagal membayar denda bagi setiap pertuduhan Seksyen 417 Kanun Keseksaan selain denda RM5,000 atau 10 bulan penjara bagi pertuduhan memiliki bahan lucah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JURURAWAT TERPEDAYA TAWARAN KERJA ONLINE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jururawat terpedaya tawaran kerja online

**Kuantan:** Seorang penyelia jururawat kerugian RM387,035 selepas terpedaya dengan tawaran kerja sambilan secara dalam talian.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, wanita berusia 46 tahun yang bekerja di luar negara itu menerima pesanan melalui aplikasi WhatsApp menawarkan kerja sambilan terbabit pada 11 September lalu.

Menurutnya, dengan hanya menekan butang suka di aplikasi Instagram yang diberikan, mangsa ditawarkan komisen sebanyak RM5 bagi setiap tugasan.

"Selepas berjaya menyelesaikan lima tugasan, mangsa menerima wang komisen sebanyak RM25.

"Mangsa kemudianditawarkan satu tugasan prabayar dengan membuat pembayaran dan menerima keuntungan yang lebih tinggi.

"Mangsa hanya tersedar selepas membuat sebanyak 36 transaksi berjumlah RM387,035 kepada 21 akaun dalam tempoh 13 hari mulai pada 11 September lalu.

"Siasatan mendapati mangsa menggunakan wang simpanan sendiri, pinjaman rakan dan ahli keluarga untuk semua transaksi yang dibuat.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam kes terbabit, beliau menasihati masyarakat supaya tidak mudah terpengaruh dengan tawaran pekerjaan melalui laman media sosial yang menjanjikan pulangan yang lumayan.

"Masyarakat diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun yang diterima di pautan https://semakmule.rmp.gov.my/ terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KDN GESA JIM PERKETAT KAWALAN PINTU SEMPADAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

BANTERAS JENAYAH PEMERDAGANGAN MANUSIA

# KDN gesa JIM perketat kawalan pintu sempadan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) digesa supaya mengetatkan kawalan pintu sempadan membabitkan pergerakan golongan berisiko ke luar negara dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Malaysia (MHO) Datuk Hishamuddin Hashim berkata, jenayah itu dilihat semakin berkembang apabila kegiatan terbabit bukan sahaja berlaku di negara di Asia Tenggara, malah kini menular sehingga benua lain seperti di Peru.

"Lazimnya, kita dengar jenayah pemerdagangan manusia membabitkan individu tempatan berlaku di Kemboja, Myanmar, Laos dan Filipina, tetapi kini ada rakyat kita yang diselamatkan dari negara benua lain iaitu di Peru.

"Kita yakin ada ramai lagi mangsa yang terperangkap di negara lain. Justeru, sudah tiba masanya untuk KDN menerusi JIM mengambil tindakan mengetatkan kawalan pintu sempadan membabitkan pergerakan golongan berisiko ke luar negara.

"Individu dikategorikan sebagai golongan berisiko adalah anak muda yang tidak mempunyai sejarah ke luar negara dengan kedudukan ekonomi tidak stabil. Ciri-ciri ini adalah petanda bahawa mereka mungkin dibawa masuk untuk bekerja dengan sindiket penipuan di luar negara," katanya dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan berkaitan 43 rakyat Malaysia yang menjadi mangsa sindiket Macau Scam berjaya diselamatkan selepas dilarikan sehingga ke Peru.

Semua mangsa diselamatkan polis Peru pada serbuan di La Molina, Lima, Ahad lalu.

Hishamuddin berkata, isu jenayah pemerdagangan manusia itu perlu dibawa ke peringkat global bagi memastikan pendekatan secara holistik dilakukan dengan kerjasama bersama agensi penguat kuasa antarabangsa.

"Tidak dinafikan bahawa kempen kesedaran yang dijalankan pihak berkaitan, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah tindakan yang bagus. Namun, kita juga memerlukan pendekatan holistik bagi menangani masalah ini yang dilihat semakin kompleks saban hari," katanya.

*"Individu dikategorikan sebagai golongan berisiko adalah anak muda yang tidak mempunyai sejarah ke luar negara"*

**Hishamuddin**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KERAP SAWAN, SERING JADI LUPA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MOHD Azwan (tengah) dikunjungi rombongan KKCK yang menyampaikan sumbangan barang makanan serta lampin pakai buang.

IMPIAN NAK JADI JURUTERA MUSNAH

# Kerap sawan, sering jadi lupa

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

**Tanah Merah**

Kemalangan jalan raya yang berlaku 14 tahun lalu meranapkan terus impian Mohd Azwan Mat Ali untuk bergelar seorang jurutera.

Ketika kejadian, Mohd Azwan, 33, baru tahun pertama di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan kesan kemalangan itu menyebabkannya kini sukar bergerak, tidak dapat berjalan dan ingatan kerap terganggu selain sering diserang sawan.

Ibunya, Bidah Husin, 76, berkata, dalam kemalangan yang berlaku di kampung halaman mereka di Jeli itu, Mohd Azwan ketika itu berusia 19 tahun dikejarkan di hospital dan dirawat di unit rawatan rapi (ICU) selama hampir sebulan.

"Walaupun tidak mengalami kecederaan fizikal yang teruk, ada darah beku dalam kepala Azwan dan dia menjalani pembedahan di Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM), Kubang Kerian.

"Selepas beberapa tahun, tempurung kepalanya dipasang semula dan selepas itu timbul sedikit demi sedikit kesan terhadap Azwan sehinggalah keadaannya seperti sekarang," katanya ketika ditemui di Kampung Padang Siam di sini.

Buat masa sekarang, Bidah dan Mohd Azwan yang juga anak bongsu dari tujuh beradik menumpang di kediaman seorang daripada anaknya di Kampung Padang Siam, di sini, untuk memudahkan pergerakan mereka bagi urusan janji temu di Hospital USM.

**"Masih lagi terbayang kegembiraan di wajah Azwan ketika dapat tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang yang diminatinya suatu ketika dulu tetapi segalanya musnah apabila ditimpa musibah ini"**

Bidah berkata, setiap hari dia berdoa supaya ada kesembuhan buat Mohd Azwan agar dapat menguruskan diri sendiri sekali gus memberi kelegaan buatnya jika dia sudah tiada suatu hari nanti.

"Sebelum ini, saya tinggal berdua dengan Azwan di Kampung Pasir Dusun, Jeli dan lima tahun kebelakangan ini sahaja baru menumpang anak perempuan yang juga seorang ibu tunggal dua anak memandangkan saya semakin berusia dan tidak mampu menguruskan Azwan berseorangan.

"Masih lagi terbayang kegembiraan di wajah Azwan ketika dapat tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang yang diminatinya suatu ketika dulu tetapi segalanya musnah apabila ditimpa musibah ini.

"Sebelum ini, kami berharap kepadanya agar dapat menjadi kebanggaan sekali gus membantu keluarga suatu hari nanti tapi apakan daya, Allah menguji kami sebegini...kami reda," katanya.

Bidah berkata, Mohd Azwan menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan dan untuk kelangsungan hidup, mereka berdua juga ada dibantu anak yang lain sekadar termampu.

Terdahulu, mereka menerima kunjungan badan bukan kerajaan (NGO) Kelab Kebajikan Cakna Kelantan (KKCK) yang diketuai pengerusinya, Pui Tiong Lam yang hadir menyampaikan sumbangan barangan makanan dan lampin pakai buang.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menghubungi Bidah di talian 014-5150127.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KONGSI DENGAN 3 RAKAN SEKOLAH UNTUK BELI VAPE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kongsi dengan 3 rakan sekolah untuk beli vape

**Kuala Lumpur:** "Saya ambil vape (rokok elektronik) ini bagi menghilangkan tekanan kerana belajar dan kerja sekolah banyak dan apabila menghisapnya berasa lega dan tenang," itu kata remaja lelaki dikenali Angah berusia 14 tahun.

Angah berkata, dia mula terjebak menghisap vape ketika berusia 12 tahun bersama rakan dan terpengaruh sehingga sukar berhenti.

"Mula-mula waktu mencuba itu memang ada rasa pening-pening namun lama kelamaan sudah terbiasa.

"Saya ambil nak hilangkan *stress* (tekanan) dan kami berkongsi tiga orang untuk membelinya dan bergilir-gilir menyimpannya," katanya ketika ditemui pada Program Advokasi dan Intervensi Ketagihan Nikotin Dalam Kalangan Remaja dan Generasi Penamat Rokok (GEG) di Putrajaya, di sini.



PESERTA melakukan ujian karbon monoksida dan ujian ketahanan paru-paru.

> **"Duit saku sekolah diberi RM5 dikumpul untuk beli vape dan dua kali cikgu menangkap saya menghisapnya di sekolah dan terbaru saya digantung sekolah"**

Menurutnya, dia akan berkongsi dengan rakan untuk membeli vape itu dan kebiasaan akan membelinya di kedai runcit berhampiran rumah di Salak Tinggi.

"Duit saku sekolah diberi RM5 dikumpul untuk beli vape dan dua kali cikgu menangkap saya menghisapnya di sekolah dan terbaru saya digantung sekolah.

"Selepas ini saya berharap akan dapat berhenti demi mak," katanya.

Sementara itu, adiknya berusia 11 tahun turut terjebak dan baru menghisap vape seminggu lalu.

"Saya terpengaruh dengan rakan di sekolah yang menghisap vape apabila mereka beritahu sedap.

"Jadi saya meminta dari abang untuk menghisapnya dan terjebak sehingga sekarang," katanya.

Sementara itu, ibu mereka berkata, dia tidak tahu bila sebenarnya anak keduanya terbabit menghisap vape dan menyedarinya awal tahun ini ketika mereka menghadiri hari keluarga apabila saudara saya melihat Angah mengecas alat vape.

"Selepas ditanya dia hanya mengaku kepada saya sudah menghisap vape sejak tahun lalu.

"Saya rampas dan sudah buang beberapa kali, tetapi dia beli yang baharu sehingga sanggup mencuri duit ayah dia dan duit raya adik-adik dia," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NASIB DIKETAHUI 1 NOVEMBER DEPAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

IBU TUNGGAL, RAKAN ANIAYA SERTA ABAI ANAK KANDUNG

# Nasib diketahui 1 November depan

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Nasib ibu tunggal dan rakan serumahnya yang sebelum ini didakwa atas dua pertuduhan menganiaya dan mengabaikan anak kandungnya hanya akan ditentukan Mahkamah Sesyen di sini, 1 November nanti.

Ia berikutan, Hakim VM Mabel Sheela yang sepatutnya menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh berusia 27 tahun dan wanita berperwatakan lelaki, Awiin Chua, 30, dilaporkan bercuti sakit.

Peguam Abd Rahim Ali yang mewakili kedua-dua tertuduh berkata, pihaknya hanya diberitahu mengenai keadaan hakim cuti sakit pagi semalam.

"Jurubahasa memaklumkan hakim cuti sakit, jadi, satu tarikh baharu untuk fakta dan hukuman ditetapkan pada 1 November depan.

"Sedikit perkongsian, kedua-dua tertuduh dalam keadaan baik dan bersedia (dengan hukuman).

"Saya dimaklumkan, ibu mangsa (tertuduh pertama) ada jatuh di tandas dan kaki kanannya cedera akibat tulang retak, bagaimanapun pihak Penjara Simpang Renggam sudah membawanya ke hospital untuk mendapatkan rawatan dan keadaannya baik," katanya ketika ditemui di pekarangan mahkamah di sini, semalam.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh yang tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 8.50 pagi dilihat tenang dan bersedia untuk menerima hukuman yang bakal dijatuhkan hakim terhadap mereka.

Mereka turut dilihat mencari-cari keluarga, bagaimanapun tiada kelibat ahli keluarga mereka berada di mahkamah.

Pada 16 Ogos lalu, kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Bagaimanapun, pada 27 September lalu, kedua-dua mereka menukar pengakuan kepada bersalah selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan semula oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Mabel Sheela.

Bagi pertuduhan pertama, kedua-dua tertuduh didakwa mencapai niat bersama menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang di bawah pemeliharaan mereka sehingga menyebabkan mangsa menghadapi kecederaan fizikal.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa mencapai niat bersama mengabaikan kanak-kanak yang juga anak kedua ibu tunggal itu ketika mangsa di bawah pemeliharaan mereka.

Dua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Bandar Layangkasa, Pasir Gudang di sini, antara 1 Julai hingga 9 Ogos lalu.

Pendakwaan kedua-dua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Awal Ogos lalu, media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki disyaki menjadi mangsa dera kepada dua wanita yang seorang daripadanya adalah ibu kandungnya.

Kejadian menimpa kanak-kanak itu terbongkar selepas jiran di kawasan perumahan berkenaan menyerbu rumah diduduki dua beranak itu bersama kenalan ibu mangsa.

Video menunjukkan insiden orang awam menyerbu rumah berkenaan bagi menyelamatkan mangsa tular di media sosial yang turut memaparkan kecederaan agak teruk di bahagian belakang badan kanak-kanak berkenaan.



TERTUDUH (tengah) dan Awiin didakwa atas dua pertuduhan menganiaya dan mengabaikan anak kandungnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PELAJAR OKU MOHON KE IPT HANYA BERSAING DALAM KELOMPOK SENDIRI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pelajar OKU mohon ke IPT hanya bersaing dalam kelompok sendiri

**Kuala Lumpur:** Dewan Rakyat semalam dimaklumkan, golongan orang kurang upaya (OKU) yang memohon melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) akan hanya bersaing dalam kelompok mereka sendiri.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal berkata, selain itu mereka hanya perlu melepasi syarat am dan syarat khas minimum universiti awam atau Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) serta lulus temu duga atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan..

"Syarat khas program pengajian ini adalah tertakluk kepada keputusan senat universiti awam (UA) termasuk bagi bidang undang-undang dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Pada sesi akademik 2023/2024, sebanyak lapan program pengajian undang-undang bagi lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf ditawarkan dan lima daripadanya menerima semua jenis ketidakupayaan calon OKU, manakala satu menerima sebahagian ketidakupayaan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota)** sama ada kementerian berhasrat meneliti dan mengkaji semula syarat kemasukan ke IPT bagi golongan OKU, termasuk jurusan undang-undang dan ICT untuk menjamin akses pendidikan tanpa sebarang diskriminasi seperti yang termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Mengulas lanjut, Mohammad Yusof berkata, terdapat 11 program pengajian lepasan STPM atau setaraf dalam bidang teknologi maklumat ditawarkan pada sesi 2023/2024 dan lima daripadanya terbuka kepada semua calon yang berkelayakan dan menerima semua jenis ketidakupayaan calon OKU.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RM208,054 LAGI BELUM CUKUP LUNAS BIL HOSPITAL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

PEMUDA KEMALANGAN DI SINGAPURA

# RM208,054 lagi belum cukup lunas bil hospital

**Kuala Lumpur:** Keluarga Muhamad Mahdi Mohd Mansor Yap, rakyat Malaysia yang kemalangan di Singapura, masih memerlukan SGD60,000 (RM208,054) lagi untuk melunaskan bil rawatan lelaki itu.

Ibunya, Nor Azlina Abdullah, 53, berkata, mereka sudah menerima bil rawatan yang dikeluarkan hospital negara berkenaan yang keseluruhan berjumlah SGD125,000 atau RM433,450 setakat kelmarin.

"Daripada jumlah itu, SGD60,000 (RM208,054) dibayar menerusi tuntutan insurans. Kami juga ada menerima sumbangan orang ramai kira-kira SGD5,000 (RM17,338).

"Ia menjadikan bayaran terkumpul setakat ini SGD65,000 (RM225,394). Justeru itu, kami masih memerlukan SGD60,000 (RM208,054) lagi bagi membayar bil hospitalnya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nor Azlina berkata, keluarganya sudah bertemu dengan wakil Kedutaan Malaysia di Singapura bagi membincangkan perkara itu, beberapa hari lalu.

"Kini, kami sedang berusaha untuk membawa dia balik bagi mendapatkan rawatan di sini dan berharap supaya urusan itu dipermudahkan," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan Muhamad Mahdi, 23, terbabit kemalangan ketika dalam perjalanan ke tempat kerja di Singapura pada 8 September lalu.

Satu-satunya anak lelaki Nor Azlina itu mengalami kecederaan parah akibat digilis van dan mengakibatkan tulang belakangnya hancur pada bahagian L1,L2, dan L3.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkannya menerusi akaun **Maybank 154138069805** atas nama Nor Ainaa Mohd Mansor Yap, kakak Muhamad Mahdi.

**Jumlah keseluruhan bil hospital setakat kelmarin RM433,450**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RM600K LEBUR PERCAYA CIKGU PELABURAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# RM600K lebur percaya Cikgu Pelaburan

**Johor Bahru:** Seorang warga emas berputih mata apabila menanggung kerugian hampir RM600,000 selepas membuat pelaburan mata wang digital kripto dengan syarikat tidak wujud, akhir Mei lalu.

Lelaki yang mahu dikenali sebagai Phang, 68, mendakwa hanya menyedari dia tertipu selepas mahu mengeluarkan wang keuntungan yang kononnya mencecah AS$1.4 juta (RM7 juta) dari aplikasi pelaburan digital pada Rabu lalu.

Dia mendakwa, syarikat pelaburan berkenaan, Yomaex Crypto Market tidak membenarkan pengeluaran wang keuntungan itu kerana mendakwa terdapat unsur cuci wang.

"Saya mengetahui mengenai pelaburan ini selepas mengenali Cikgu Pelaburan di Facebook, kerana pelaburan saham disertai tidak menunjukkan peningkatan.

**"Saya ingin mendapatkan pandangan sama ada mahu teruskan atau menjual saham itu, kemudian Cikgu Pelaburan itu memperkenalkan pelaburan wang digital kripto ini dan mempengaruhi saya hingga mengeluarkan hampir RM600,000 dengan 20 transaksi ke atas 12 akaun bank berbeza"**

"Saya ingin mendapatkan pandangan sama ada mahu teruskan atau menjual saham itu, kemudian Cikgu Pelaburan itu memperkenalkan pelaburan wang digital kripto ini dan mempengaruhi saya hingga mengeluarkan hampir RM600,000 dengan 20 transaksi ke atas 12 akaun bank berbeza.

"Dalam tempoh tiga bulan saya sudah beberapa kali mendapat keuntungan, namun ada juga rugi hingga terpaksa meminjam wang dari isteri dan keluarga bagi meneruskan pelaburan itu," katanya ketika ditemui di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Johor Jaya, Liow Cai Tung di sini, semalam.

Phang berkata, pada 3 Oktober lalu, pelaburannya melonjak sehingga memperoleh keuntungan AS$1.4 juta (RM7 juta).

Katanya, dia mahu mengeluarkan wang terbabit kerana mahu membayar hutang dan membaikpulih rumah, bagaimanapun pihak syarikat tidak membenarkannya.

"Pada 4 Oktober lalu, saya mendapat satu surat dari syarikat ini yang menyatakan terdapat unsur mencuci wang dalam akaun rakyat Malaysia (termasuk saya). Jika hendak membuat pengeluaran perlu memasukkan wang sebanyak RM200,000 ke akaun yang ditetapkan.

"Saya kemudian tersedar sudah ditipu dan memberitahu Cikgu Pelaburan supaya memulangkan duit modal pelaburan sebanyak RM600,000, tetapi mereka memberi pelbagai alasan.

"Saya membuat laporan polis di Balai Polis Larkin Sabtu lalu," katanya.

Sementara itu, Liow berkata hasil semakan mendapati 11 akaun yang digunakan mangsa untuk melakukan transaksi wang pernah dilaporkan dalam carian keldai akaun.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RUU GEG: HARAP DAPAT KELULUSAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




RUU GEG

# Luluskan untuk kesejahteraan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 atau lebih dikenali sebagai RUU Generasi Penamat Rokok (GEG) diharap diluluskan dalam sidang Parlimen demi kesejahteraan rakyat selepas kajian mendapati nikotin terkandung di dalam rokok dan rokok elektronik atau vape boleh memudaratkan kesihatan.

Malah, RUU GEG turut disokong beberapa pakar perubatan yang berharap pembentangannya di Parlimen mendapat kelulusan Ahli Parlimen seterusnya dilaksanakan demi kesihatan rakyat.

Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) Dr M Murallitharan berkata, nikotin boleh merosakkan otak, merosakkan saluran darah dan menyebabkan pengguna akan ketagih seperti heroin dan kokain.

Menurutnya, apabila remaja mula terdedah dan menjadi penghisap rokok atau vape mereka susah hentikan tabit kerana ketagihan boleh berlaku dalam tempoh 72 jam sahaja.

"Penggunaan nikotin menunjukkan transformasi sel dan ia mengambil masa dalam 18 ke 20 tahun untuk terkena kanser.



REMAJA yang terdedah dengan rokok dan rokok elektronik atau vape sukar menghentikan tabiat ekoran ketagihan boleh berlaku dalam tempoh singkat.

"Masalah vape ini kita nampak ciri-ciri menunjukkan transformasi sel iaitu dari sel normal ke sel abnormal iaitu peringkat pertama dan kedua untuk menjadi kanser," katanya ketika ditemui pada Program Advokasi dan Intervensi Ketagihan Nikotin Dalam Kalangan Remaja dan Generasi Penamat Rokok (GEG) di Putrajaya, di sini.

Dr M Murallitharan berkata, proses itu dipanggil metaplasia iaitu sebagai contoh sel badan berbentuk segi empat bertukar menjadi segi tiga bermakna sudah bermutasi dan belum menjadi kanser namun peringkat satu serta dua ke arah mendapat kanser.

"Masalah berkaitan paru-paru, salur pemakanan rosak, perut dan tekak kita sudah nampak dan ada datanya disebabkan rokok.

"Sebab itu GEG ini kita nak didik dari kecil tidak diberi pendedahan dengan rokok atau vape....jadi sehingga ke dewasa mereka tidak gunakannya (merokok)," katanya.

Beliau berkata, generasi sebelum ini terdedah kepada rokok ketika belasan tahun atau menginjak 20-an dan mereka mula terkena kanser sekitar usia 40 ke 50 tahun tetapi generasi sekarang terdedah ketika usia sembilan tahun sebab itu menginjak ke 20 hingga 30 tahun sudah mendapat kanser.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Kesihatan IKRAM Malaysia (IKRAM Health) Dr Mohd Afiq Mohd Nor berkata, melalui kajian dijalankan Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM) pada 2021 ke atas 60 pesakit yang menghisap vape mendapati tiga pesakit dikesan mendapat penyakit paru-paru berkaitan dengan produk rokok elektronik atau EVALI.

"EVALI jika dihidapi akan mengakibatkan paru-paru rosak akibat bahan kimia disedut malah bahan alam vape itu juga boleh menyebabkan kanser," katanya.



DR Murallitharan



DR Mohd Afiq



DR Suhazeli

Dr Mohd Afiq berkata, pada 2019 kes EVALI di Amerika Syarikat mengakibatkan 60 kematian dan 2,000 dimasukkan ke hospital.

"Jadi saya harap RUU GEG kali ini tidak ada penangguhan lagi kerana ia sudah melalui proses sepatutnya," katanya.

Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga, Klinik Kesihatan Tengkawang, Dr Suhazeli Abdullah berkata, beliau berharap RUU GEG lulus kerana statistik menunjukkan remaja menghisap rokok semakin meningkat.

"Akta itu nanti mampu atasi masalah rokok di negara ini di mana New Zealand sudah laksanakan sementara United Kingdom baru hendak melaksanakannya.

"Mereka yang merokok dan menghisap vape ini undang risiko kesan kesihatan seperti jantung, darah tinggi dan penyakit kronik lain di mana jika dilihat unjuran sebelum ini kerajaan berbelanja RM4 bilion ke RM6 bilon untuk merawat pesakit akibat komplikasi dari merokok.

"Jika RUU GEG ini diluluskan kerajaan mampu jimatkan perbelanjaan rawatan dan kurangkannya dalam tempoh 10 ke 15 tahun nanti," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEJIWA BURU KELAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sejiwa buru kelah

***Suami isteri redah hutan, sungai, tasik cari 'raja sungai'***

**Oleh Nazdy Harun**
am@hmetro.com.my

**Kuala Berang**

Walaupun berkerjaya, namun seorang ibu lima cahaya mata gemar menghabiskan masa hujung minggu atau hari cutinya dengan meredah hutan, sungai dan tasik untuk mencari lubuk ikan kelah merah.

Sakinah Jusoh, 43, dari Kampung Jenagor dekat sini, berkata, meredah sungai dan bermalam bersama suami dalam hutan adalah rutin mingguan.

Menurutnya, suami, Anuar Kamaruddin, 47, seorang penjual ikan kelah merah dan untuk mendapatkan bekalan 'raja sungai' itu suaminya terpaksa ke sungai di seluruh pelosok negeri.

"Suami saya sebelum ini bekerja sebagai kelasi kapal, namun akibat pandemik Covid-19 menyebabkan semua sektor pekerjaan tidak dapat dijalankan.

"Suami mengambil keputusan berhenti kerja dan bermula dari situ, suami saya menumpukan sepenuh masa dengan menjual ikan kelah secara dalam talian.

"Melihat kepada permintaan yang tinggi, suami terpaksa ke sungai untuk mencari bekalan ikan kelah dan bermula dari situ menjadi rutin buat saya untuk mengikut suami ke sungai mencari ikan berkenaan," katanya yang juga seorang kakitangan sebuah syarikat swasta.



**ANUAR bersama Sakinah melihat ikan kelah yang dipelihara sebelum dijual.**

Menurutnya, cuti hujung minggu atau pada cuti am dia akan mengajak suaminya untuk ke lubuk ikan kelah bagi mencari raja sungai berkenaan.

Katanya, rutin itu dilakukan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu dan kerja menangkap ikan di kawasan lubuk dilakukan bersama-sama suaminya.

Sakinah berkata, lubuk kelah ibarat tempat *healing* buat dirinya kerana saban minggu dia akan ke sungai di seluruh pelosok Terengganu untuk mencari ikan kelah.

Anuar berkata, minatnya mencari ikan kelah sudah lama, namun ia hanya sebagai hobi dan selepas berhenti kerja sebagai kelasi dia mengambil keputusan untuk menjadikan pekerjaan menjual ikan kelah sebagai mata pencariannya.

"Ikan yang dicari akan dikuarantin sebelum dijual dan harga ikan kelah merah dijual mengikut kilogram (kg) dengan harga RM550 hingga RM2,000 sekilogram bagi yang masih hidup.

"Sebulan hanya empat ekor saja yang dijual dengan ukuran ikan di bawah kira-kira 50 sentimeter, selain kelah hidup saya juga menjual ikan kelah yang sudah dibekukan.

"Alhamdulillah, permintaan terhadap ikan ini sentiasa ada dan sebulan saya mampu meraih pendapatan hingga RM5,000," katanya yang mempunyai lima cahaya mata berusia enam hingga 17 tahun.

**"Lubuk kelah ibarat tempat 'healing' buat dirinya kerana saban minggu dia akan ke sungai di seluruh pelosok Terengganu untuk mencari ikan kelah"**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEMUA AGENSI DIARAH SIAP SIAGA HADAPI BANJIR: FADILLAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Semua agensi diarah siap siaga hadapi banjir: Fadillah

**Kota Bharu:** Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof mengarahkan semua agensi supaya bersiap siaga bagi menghadapi banjir terutama di pantai timur.

Beliau berkata, penekanan perlu diberikan kepada perancangan persediaan dalam menghadapi musim bencana yang mendatang.

Katanya, keselamatan serta kebajikan mangsa perlu dititikberatkan disamping kesiap siagaan semua agensi khsususnya pemberi bantuan dalam menguruskan sumber dan logistik.

"Dalam agenda mesyuarat membabitkan ketua jabatan dan agensi Persekutuan, persediaan bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) antara agenda mesyuarat.

"Penyelarasan menyeluruh oleh semua agensi yang terbabit amat kritikal khususnya pusat pemindahan sementara (PPS) di sekolah perlu membuat persiapan awal bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"Semua jabatan dan agensi perlu memberikan sepenuh sokongan kepada agensi yang terbabit secara langsung seperti pejabat daerah, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Bomba dan lain-lain pasukan keselamatan yang berkenaan,"

**"Untuk Kelantan, sebanyak RM122 juta meliputi pelbagai jenis bantuan banjir sudah disalurkan kepada mangsa yang terbabit banjir"**

katanya menerusi ucapan perasmian Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan Kelantan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau percaya perancangan dan pelaksanaan projek fizikal berkaitan tebatan banjir seperti Projek Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan dan Sungai Golok yang mencecah RM1.3 Bilion oleh Kerajaan Persekutuan dijangka membantu mengurangkan kesan bencana alam ini kepada negeri Kelantan apabila siap kelak.

"Untuk Kelantan, sebanyak RM122 juta meliputi pelbagai jenis bantuan banjir sudah disalurkan kepada mangsa yang terbabit banjir.

"Saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama kerajaan negeri serta semua agensi yang terbabit dalam menguruskan agihan bantuan kepada mangsa," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEORANG LAGI PENDAKI MALAYSIA MENINGGAL DUNIA DI NEPAL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Seorang lagi pendaki Malaysia meninggal dunia di Nepal


LOO Sin dilaporkan meninggal dunia ketika menyertai aktiviti pendakian di Bamboo, Kaski. FOTO ihsan pembaca

**Putrajaya:** Seorang lagi pendaki Malaysia dilaporkan meninggal dunia di kawasan pergunungan di Nepal.

Jurucakap Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia (Malawakil) di Nepal ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima maklumat kematian seorang lagi rakyat Malaysia di Bamboo, Kaski, Nepal pada jam 4 petang waktu tempatan kelmarin.

Menurutnya, pendaki wanita yang meninggal dunia itu ialah Tew Loo Sin, 51, berasal dari Selangor dan punca kematian masih belum dapat dipastikan.

"Mendiang bersama beberapa lagi ahli kumpulan dilaporkan datang ke Kathmandu pada 1 Oktober lalu bagi menyertai aktiviti pendakian.

"Pada 3 Oktober lalu mendiang dan ahli kumpulan memulakan pendakian di Bamboo, Kaski, Pokhara dan semalam (kelmarin) Malawakil menerima berita kematian itu," katanya.

Jurucakap Mawakil turut memaklumkan, ketika kejadian rakan-rakan ada bersama mendiang dan ketika ini mayat sudah dihantar ke Hospital Gandaki, Pokhara untuk urusan bedah siasat.

Menurutnya, waris mendiang juga sudah menghubungi Malawakil untuk mendapatkan bantuan bagi penyediaan dokumentasi yang diperlukan untuk pengurusan mayat.

"Waris turut memaklumkan pengurusan mayat seperti pembakaran akan dilakukan di Pokhara dan selepas itu abu mayat akan dibawa pulang ke tanah air.

"Malawakil juga sudah mengeluarkan surat permohonan untuk melaksanakan bedah siasat dan pembakaran mayat kepada pihak berkuasa di negara itu," katanya.

Menurut sumber, Tew yang juga peminat aktiviti mendaki menyertai program itu bersama 10 rakan.

Dia dilaporkan mengalami sesak nafas pada malam Sabtu lalu di Kem Pangkalan Annapurna (ABC) (4,130 meter (m) dari aras laut) ke Kem Pangkalan Machapuchare (MBC), (3,600 m dari aras laut) namun meninggal dunia jam 2 pagi Ahad.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 24 TERTIARY STUDENTS RECEIVE BUKIT ASSEK FINANCIAL AID | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 24 tertiary students receive Bukit Assek financial aid

**SIBU:** A total of 24 out of 34 eligible students, who have continued their studies at higher educational institutions, have already received the Bukit Assek Student Financial Aid Scheme for 2023.

Bukit Assek assemblyman Joseph Chieng said 10 of the remaining recipients had yet to collect the assistance.

"We distribute the financial assistance in stages. Nine of them have received it, and the final batch of 10 students will collect it at a later date," he said, adding each student would receive a one-off assistance amounting to RM1,000.

Chieng was speaking to reporters after presenting the aid to the students at the Bukit Assek state constituency service centre yesterday.

"Hopefully, this financial assistance could reduce the burden on the parents in providing the various needs of their children at the university or college," added the assemblyman.

Chieng also said the aid was meant for all students who met the criteria.

"It doesn't matter whether you study at universities outside the state, so long as you are qualified and as long as you are from Bukit Assek state constituency, you are qualified for the aid."

The financial assistance also covers students who study at Methodist Pilley Institute (MPI), Kolej Laila Taib (KLT) or University Technology Sarawak (UTS) here.

Chieng said this was the second year that he presented the financial aid.

"This assistance is very important to help the students especially with the rising cost of living."

Chieng also called upon students, and also the local youths, to visit his service centre during the holiday season to further strengthen relationship.

"Any student who encountered difficulties or challenges can always approach me for help."




Chieng (sixth left) with the education aid recipients.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REP: DETAILED STUDY KEY TO ADDRESSING MENTAL HEALTH DECLINE AMONG YOUTHS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Chieng (seated centre), Haslinda (seated second left) and other guests pose with ICYOUTH delegates after the opening ceremony.

# Rep: Detailed study key to addressing mental health decline among youths

**SIBU:** A comprehensive examination is needed to determine the factors behind the decline in mental health among youths today, said Bukit Assek assemblyman Joseph Chieng.

Speaking at the opening of the 4th International Conference on Youth (ICYOUTH) 2023 here yesterday, he said various internal factors are creating an environment that cause young people to become more vulnerable to mental health challenges than ever before.

"Many fingers are being pointed at digital technology as the villain that is doing immeasurable harm to our youth. If so, how do we balance young people's needs to be online to conduct their everyday lives with their safe use of digital tools?

"This is a complex question, and there is no singular explanation," he said.

The ICYOUTH 2023, held at University of Technology Sarawak (UTS) here, was jointly organised by Universiti Putra Malaysia (UPM)'s Institute for Social Science Studies (Ipsas), Business Events Sarawak, UTS and the National Youth Policy Institute.

Chieng added that among the internal factors contributing to the decline in youth mental health are societal changes; increased academic pressure; rapid advancement of technology; pervasiveness of social media; economic uncertainty; and the erosion of traditional beliefs and social support systems.

He also pointed out that the digital age has been labelled as the 'age of disruption' whereby everyday interaction, work, language and value systems are influenced.

Speaking to reporters later, Chieng said he was pleased to see many delegates, including from the international community, attending the conference to discuss issues related to youth development.

Such discussions, he noted, is especially important in view of the addiction of youngsters to electronic gadgets to the point of affecting their daily lives.

"Even young children now are addicted to their gadgets; so this event is important to increase awareness," he said.

Also present at the conference was Ipsas director Prof Dr Haslinda Abdullah, who is also event organising chairman.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | STUDY ON NEED TO INCREASE TVET PROGRAMMES FOR PWD STUDENTS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Study on need to increase TVET programmes for PWD students

A STUDY is being done on whether there is a need to increase Technical Education and Vocational Training (TVET) programmes for persons with disablities (PWD) at polytechnics and community colleges.

Deputy Higher Education Minister Datuk Mohammad Yusof Apdal said the study would also take into account the availability of rooms, teaching staff and the PWD students' ability to cope after graduation.

He said so far, the ministry is offering 13 certificate level courses which are designed specially for the group through polytechnics and community colleges.

"Five of the course programmes offered at polytechnics are to cater for those with hearing and speech impairment, while at the community colleges eight programmes are specially for those with learning disabilities as well as hearing and speech impairment.

"Currently, there are 96 PWD students studying at polytechnics and 264 others are at community colleges," he said during the question and answer session at the Dewan Rakyat yesterday, Bernama reported.

He said this in reply to a question from Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) who wanted to know if the ministry intends to build more TVET education centres specifically for PWD students after they complete their secondary schooling.

Meanwhile, Mohammad Yusof said for the 2023/2024 academic session, a total of eight law degree programmes are being offered to qualified Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) school leavers or equivalent certificate holders, at higher learning institutions and five of the programmes are also open to PWD candidates.

"In addition, 11 programmes are on offer for STPM and equivalent certificate holders in the field of information and communication technology (ICT) for the 2023/2024 session, with five of them open to all qualified candidates including those with disabilities.

"The offer to the PWD group is with the agreement of the agency or higher learning institution, taking into account the availability of PWD-friendly infrastructure to ensure that the group is able to follow the programme with ease and comfort," he said.

He said this in reply to a question posed by Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota) who wanted to know if the ministry is willing to review all admission requirements to higher learning institutions for the PWD group, to ensure education is guaranteed for all without any discrimination.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEACHER FOUND GUILTY IN SEX SCAM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Teacher found guilty in sex scam

## The man was fined for tricking women into sex and keeping porn in his phone

**MELAKA:** A 33-year-old religious school teacher was fined a total of RM12,000 by a Magistrate's Court in Ayer Keroh here for three offences of deceiving two women into having sex with him and keeping pornographic images in his mobile phone this year.

The fine was imposed by magistrate Sharda Shienha Mohd Suleiman after Ahmad Saifullah Abdul Khalid pleaded guilty to the charges read out to him in court yesterday.

Based on the charge sheets for two of the offences, the accused tricked two women aged 19 and 33 by offering each of them loans totalling RM300 and RM2,000 respectively.

The accused made the women, whom he befriended via social media, believe that the loans were available before luring them to have sex with him.

The offences were committed at 12.40am on March 21 at a hotel in Jalan PM4, Plaza Mahkota, and at 11am on Oct 1 in Jalan Tebing Tinggi, Bukit Baru, both in the Melaka Tengah district.

The charges were framed under Section 417 of the Penal Code, which carries a maximum jail term of five years or a fine, or both, if found guilty.

For the third charge, Ahmad Saifullah was charged under Section 292(a) of the Penal Code, which provides for a jail sentence up to three years or a fine, or both, upon conviction.

He is accused of having seven pornographic images in his mobile phone.

The offence was committed at a thafiz school at KM11, Solok Gaung, Bukit Lintang, also in Melaka Tengah district, at 1.50pm on Oct 3.

Pleading for leniency, Ahmad Saifullah, who was unrepresented, said he was supporting his parents and two young children and regretted his actions.

Deputy public prosecutor Nor Asnini Kamarudin prosecuted.

The court imposed a fine of RM3,500 each for the first two offences or, in default, three months' jail.

For the third offence, the court fined the accused RM5,000 and ordered him to serve 10 months' jail if he failed to pay the fine.

Ahmad Saifullah paid the fine.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FOUR CHARGED WITH MURDER OF SENIOR | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Four charged with murder of senior

**BALING:** Four men were charged in the Magistrate's Court yesterday with the murder of a senior citizen, who was found strangled with his hands and legs bound, at his home in Kuala Ketil on Oct 1.

K. Tamilselvam, 25, C. Vickarran, 33, Sarim Omar, 33, and S. Sureshkumar, 21, were accused of having murdered S. Kanan, 71, at his house in Lorong Bidara 4, Taman Desa Bidara at about 3pm.

They nodded after the charge, under Section 302 of the Penal Code, was read out before Magistrate Najwa Che Mat, but no plea was recorded as murder cases are under the jurisdiction of the High Court.

The court set Dec 14 for mention of the case pending receipt of forensic and chemistry reports.

DPP Muhamad Ikmal Affandi Zulkifli appeared for the prosecution, while the accused were unrepresented. – Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUICIDE AWARNESS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 01&04 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


# Suicide awareness

Expert explains statistical rise in cases, highlights indicative behaviour among teens that parents, educators should recognise

BY **RAVEEN AINGARAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

**KUALA LUMPUR:** Between January 2019 and May 2021, 1,708 suicides were recorded in Malaysia, of which 872 (51%) involved teenagers aged between 15 and 18, said former UN Children's Fund representative to Malaysia and special representative to Brunei, Dr Rashed Mustafa Sarwar.

He said the Covid-19 pandemic caused significant mental health issues due to its restrictions, which affected teenagers.

"Averaging 94 incidents a month in 2021 compared with 51 a month in 2019, the number of suicides monthly nearly doubled across all age groups," he said.

Prominent consultant forensic psychiatrist Datuk Dr Suarn Singh Jasmit Singh said the reported number of suicides may not necessarily indicate an increase in cases, but represent a statistical rise caused by greater awareness.

Suarn was the former director of the Ulu Kinta Psychiatric Hospital in Perak and Health Ministry head of Psychiatric Services and adviser.

"It is probable that in the past, some incidents went undetected due to a lack of knowledge and teenagers' difficulty in communicating about their suicidal thoughts.

"There seems to be a statistical increase in suicides now, probably as a result of teenagers being more proficient at communicating their suicidal thoughts and increased public awareness of the problem."

Suarn said risk factors for teenage suicides include experiencing verbal and physical abuse, losing a loved one, poor mental health, low self-esteem and mental disorders.

"Suicide is a complicated occurrence that frequently arises from several variables, such as a person's personality, health and events in their life that precede the act."

On indicators that parents and educators should look out for in recognising potential suicidal behaviour in teenagers, Suarn said among them are being withdrawn, disengaged from society and showing indifference to routine activities.

Turn to page 4

He emphasised that such changes are most commonly brought on by traumatic life experiences, such as academic failure or perhaps the death of a loved one.

On the role of mental health services and their accessibility to teenagers, Suarn said in Malaysia, general hospitals now provide mental health treatments that were once only centralised in mental institutions.

He said despite limited resources, there is an increasing need for coordinated and comprehensive mental health care that includes its prevention, early detection and treatment and support for those with serious mental disorders.

"The Health Ministry introduced training modules for mental health promotion in 2000. It included those tailored specifically for teenagers, in which lessons covered topics such as self-awareness, self-esteem, managing stress and adjusting to life changes to improve their life skills.

## Vital role of school counsellors

From front page

"Unfortunately, due to a lack of resources, there was no continuity of these skills in the mental health services of health centres and the community.

"I feel sad when I reflect on this, as continuing with the training modules could have helped reduce incidents of suicides in the country, especially those involving teenagers," Suarn said.

School student counsellor Muhammad Mustaqim Tajuddin said those in his profession play a role in helping to prevent teenage suicides.

"We can reduce the risk of teenage suicide by identifying at-risk students, providing counselling, developing educational initiatives and creating a secure environment for them."

Mustaqim stressed that school counsellors may help save lives and ensure that every student has the opportunity to succeed by giving them the necessary skills to deal with their emotional difficulties.

"We also encourage an atmosphere of open communication, which can help in reducing the number of teenage suicides in the future."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPT TELITI KEPERLUAN TINGKAT KAPASITI PROGRAM TVET PELAJAR OKU | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPT teliti keperluan tingkat kapasiti program TVET pelajar OKU

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang mengkaji keperluan untuk meningkatkan kapasiti program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU), di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal berkata ia turut dilakukan dengan mengambil kira kesediaan ruang, tenaga pengajar serta kelangsungan hidup mereka (golongan OKU), selepas tamat pengajian.

Beliau berkata setakat ini, KPT melalui Politeknik dan Kolej Komuniti, menawarkan sebanyak 13 program yang dikhususkan bagi golongan berkenaan di peringkat sijil.

"Lima program yang ditawarkan di Politeknik melibatkan golongan kurang upaya pendengaran dan pertuturan, manakala lapan program ditawarkan di Kolej Komuniti melibatkan golongan yang mempunyai masalah pembelajaran dan juga golongan kurang upaya pendengaran dan pertuturan.

"Bilangan pelajar OKU yang sedang mengikuti pengajian di Politeknik ialah seramai 96 orang dan Kolej Komuniti seramai 264 orang," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Mohammad Yusof berkata demikian bagi menjawab soalan Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat), yang ingin tahu adakah KPT berhasrat untuk membina lebih banyak pusat pendidikan TVET khusus untuk pelajar OKU, selepas tamat pengajian sekolah menengah.

Sementara itu pada satu lagi soalan berkaitan OKU, beliau berkata bagi sesi akademik 2023/2024, sebanyak lapan program pengajian undang-undang bagi lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau setaraf, telah ditawarkan di institusi pengajian tinggi dengan lima daripadanya menerima calon OKU bagi semua jenis ketidakupayaan.

"Selain itu terdapat 11 program pengajian lepasan STPM dan setaraf dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ditawarkan pada sesi 2023/2024 dengan lima daripadanya terbuka kepada semua calon yang berkelayakan dan menerima semua jenis ketidakupayaan calon OKU." — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SERAMAI 24 PELAJAR BERJAYA MENYAMBUNG PENGAJIAN TERIMA SKIM BANTUAN KEWANGAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Seramai 24 pelajar berjaya menyambung pengajian terima skim bantuan kewangan

**SIBU:** Seramai 24 pelajar yang berjaya menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi menerima skim Bantuan Kewangan Pelajar Bukit Assek bagi tahun 2023.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Assek Jospeh Chieng berkata kini masih berbaki 10 pelajar belum menerima bantuan.

"Bantuan ini kita berikan secara berperingkat dan kita agihkan kepada kumpulan keempat melibatkan seramai sembilan pelajar.

"Kumpulan terakhir nanti seramai 10 orang menjadikan keseluruhan penerima ialah 34 orang. Setiap pelajar menerima bantuan berjumlah RM1,000 secara 'one-off'," katanya pada majlis penyampaian insentif itu di Pusat Khidmat DUN Bukit Assek di sini, semalam.



**BANTUAN:** Chieng (enam kiri) bersama pelajar dan wakil pelajar hadir di Pusat Khidmat Bukit Assek bagi menerima bantuan kewangan masing-masing.

Beliau berharap pemberian bantuan kewangan itu dapat mengurangkan bebanan ibu bapa dalam menyediakan pelbagai keperluan anak-anak mereka di universiti atau kolej nanti.

Dalam pada itu, Chieng mendedahkan masih ada segelintir beranggapan bantuan itu hanya untuk pelajar berjaya menyambung pengajian di luar kawasan Sibu.

"Semua pelajar dalam kawasan DUN Bukit Assek memenuhi kateria ditetapkan layak menerima bantuan kewangan tersebut.

"Ini termasuk jika mereka melanjutkan pengajian di KLT, UTS dan MPI jika memenuhi kateria, saya akan beri bantuan kewangan ini.

"Ini tahun kedua saya beri kepada pelajar dan saya lihat bantuan ini sangat penting lebih-lebih lagi dengan kos sara hidup semakin meningkat.

"Jadi, saya perlu bantu pelajar-pelajar di kawasan Bukit Assek," jelasnya.

Dalam pada itu, Chieng turut mengalu-alukan pelajar-pelajar berkunjung ke pusat khidmatnya ketika musim cuti bagi mengeratkan hubungan.

"Jika mereka menghadapi sebarang kesulitan atau apa-apa cabaran, saya amat berbesar hati untuk membantu mereka," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | USAHA MEMPROMOSIKAN TVET PERLU MENARIK LEBIH RAMAI BELIA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Usaha mempromosikan TVET perlu menarik lebih ramai belia

**MIRI:** Usaha mempromosikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu menarik lebih ramai belia di bahagian ini menyertai program ditawarkan di Institut Latihan Belia Negara (IKBN).

Ahli Parlimen Miri Chiew Choon Man berkata program TVET pada masa ini merupakan sektor terpenting kepada ekonomi negara kerana menekankan kemahiran teknikal dan praktikal.

"Di IKBN, institusi membantu menyediakan pelajar pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran hidup, psikologi dan kemahiran profesional serta kesediaan memasuki pasaran kerja.

"Aspek-aspek ini penting dalam membantu pelajar memulakan kerjaya mereka sebagai pekerja kemahiran profesional," katanya.

Selain itu, pelajar IKBN menerima elaun bulanan RM300 untuk tempoh dua tahun dan elaun RM200 untuk pelajar menjalani latihan industri.

Manakala faedah lain belajar di IKBN ialah semua kos makanan dan insurans ditanggung oleh institusi.

"Begitupun, kemasukan ke IKBN dikatakan rendah daripada kalangan rakyat di Miri," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Justeru, beliau mengetuai rombongan ke IKBN berbincang dengan pengurusan institusi itu mempromosikan program TVET secara berkesan kepada belia.

"Mungkin kursus jangka pendek menyediakan latihan kemahiran kepada warga Miri dan saya percaya melalui latihan kemahiran dapat membantu mereka menambah pendapatan," jelasnya.

Chiew berikrar terus berusaha mempromosikan pendidikan TVET dan membantu pelajar-pelajar mempersenjatai diri dengan kemahiran dan pengetahuan diperlukan sebelum memasuki pasaran kerja.




**PROMOSI:** Chiew (enam kanan) dan rombongan bertemu pengurusan IKBN membincangkan cara menarik minat belia menyertai program TVET di institusi itu.

"Saya terus bekerjasama dengan IKBN dan pihak berkepentingan berkaitan untuk meningkatkan kualiti pendidikan teknikal dan vokasional serta memastikan tenaga kerja dapat bersaing di peringkat antarabangsa," katanya.